



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JW/9/2023**

Tajuk Sebut Harga:

**CADANGAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN TAKAFUL HAYAT
BERKELOMPOK UNTUK PERBADANAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN.**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 221801 (Syarikat Insurans) dan mempunyai lesen Takaful Keluarga dari Bank Negara Malaysia atau lesen Takaful Keluarga dari Kementerian Kewangan untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Taklimat sebut harga akan diadakan pada 7 Mac 2023, jam ~~10:00~~ ^{11:00} pagi di Bilik Mesyuarat Angsana, Blok A Aras 5, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Kehadiran individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan adalah **DIWAJIBKAN** (sila bawa bersama Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan, Lesen Takaful Keluarga dan Cap Syarikat).
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada 7 Mac 2023 hingga 9 Mac 2023 dengan bayaran secara tunai sebanyak **RM10.00** di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen. Syarikat dikehendaki membawa **satu (1) salinan sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan dan satu (1) salinan Lesen Takaful Keluarga**. Wakil syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan untuk membeli dokumen sebut harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **14 Mac 2023 (Selasa)**.
6. Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(SUHAILA BINTI ELEAS)
NAIB PRESIDEN
Jabatan Kewangan
Perbadanan Putrajaya